



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 2 DISEMBER 2018

- 1. SMPENA MAHA 2018 BUKU PERIKANAN DITERBITKAN**
 - **SINAR HARIAN**
- 2. GALAK PENGGUNAAN ANTIBIOTIK SECARA BERHEMAH**
 - **SINAR HARIAN**
- 3. MY BEST BUY DI MUZIUM KEDAH**
 - **SINAR HARIAN**
- 4. 'DAP TO FIELD CANDIDATE'**
 - **NEW SUNDAY TIME**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

MAHA 2018

SEMPENA MAHA 2018

MAHA 2018

AGRO TEKNOLOGI

DEBAT

LAB 2018

AHAD 2 DISEMBER 2018 • SINAR HARIAN

Buku perikanan diterbitkan

RIDAUDDIN DAUD

SEKDANG

Jabatan Perikanan Malaysia melancarkan 10 buah buku hasil kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), pagi semalam.

Buku tersebut yang berkisar kepada aspek teknikal dan deskripsi jenis-jenis ikan dilancarkan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2018 (MAHA2018).

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, pihaknya bercadang untuk mengeluarkan versi dwibahasa bagi buku berkenaan tidak lama lagi.

"Kita melancarkan buku-buku berupa teknikal dan buku yang lebih kepada deskripsi jenis-jenis ikan dengan kerjasama DBP. Buku ini bukan hanya kita akan keuarkan dalam negara tapi buku ini juga kita akan cuba hasilkan versi dwibahasa untuk pasaran luar negara.

"Saya percaya ia akan laksanakan lagi pasaran buku ini

memandangkan sektor perikanan kini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat," katanya kepada Sinar Harian selepas majlis pelancaran buku tersebut di Laman Perikanan, di sini, semalam.

Tambah beliau, masyarakat Barat memandangkan tinggi teknologi perikanan dan penghasilan buku berkenaan pastinya mendapat perhatian banyak pihak.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) DBP, Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran berkata, pihaknya menyambut baik

hasrat Jabatan Perikanan Malaysia yang mahu menerbitkan buku berkenaan dalam bahasa lain.

Menurutnya, beliau akan berbincang dengan jabatan berkenaan dan berhasrat menghasilkan buku bertaraf dunia agar boleh dipasarkan ke luar negara.

"Kita berterima kasih kepada jabatan Perikanan kerana kepakaran datangnya dari mereka, kami menyokong

dari segi penerbitan buku-buku tersebut.

"Berkenaan buku dwibahasa, kita akan berbincang dengan mereka. Saya lihat ada beberapa judul boleh diterbitkan dalam bahasa Inggeris," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya juga akan cuba menerbitkan buku-buku tersebut dalam bentuk digital namun semuanya perlu melalui proses perbincangan dengan jabatan berkenaan terlebih dahulu.

"Kita akan teruskan usaha ini. Buku panduan seperti ini, ada ramai yang nak tahu. Kita cari kaedah yang dipermudahkan supaya boleh digunakan sebaiknya," katanya.

IS PELANCARAN BUKU PERIKANAN

YB HAJI SALAHUDDIN BIN AYU

YB MUMIN

ABG. SALLEHUDDIN

MUNIR

Salahuddin melancarkan Buku Teknikal Perikanan bersama Dewan Bahasa Pustaka di Laman Perikanan sempena MAHA 2018 di MAEPS. Turut serta ialah Munir (kiri) dan Abg. Sallehuddin.

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

MEMANIK DI LAMAN PERIKANAN

- Pameran info ikan jerung
- Pancing udang galah
- Rumah Nelayan Terbaik
- Pameran ikan air tawar
- Pameran ikan hiasan
- Kema gergasi, rapika tulang ikan paus
- Jualan produk berasaskan ikan

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 2 DISEMBER 2018

PERKARA : PENTERNAKAAN

Galak penggunaan antibiotik secara berhemah

SERDANG - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) komited dalam memastikan penggunaan antibiotik kepada haiwan ternakan adalah terkawal dan mengikut garis panduan ditetapkan Badan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ia bagi menjamin makanan berasaskan haiwan selamat dan bebas penyakit sebelum memasuki rantai makanan manusia.

Menurutnya, DVS juga menganjurkan sambutan Minggu Kesedaran Antimicrobial Resistance Sedunia (WAAW) bagi meningkatkan kesedaran berhubung kerintangan antibiotik pada November setiap tahun.

"Ia juga bagi menggalakkan penggunaan antibiotik yang baik dalam industri penternakan, pengamal perubatan dan penggubal polisi bagi mengelakkan kemunculan serta penularan kerintangan antibiotik.

Kerintangan antibiotik adalah satu keadaan di mana antibiotik digunakan untuk rawatan di dalam

MENARIK DI LAMAN PENTERNAKAN

- Pameran pelbagai jenis haiwan ternakan
- Lembu wagyu (daging lembu kualiti tinggi)
- Lembu sado
- Industri burung walet
- Pelbagai spesies burung
- Aktiviti menunggang kuda

manusia atau haiwan telah alami kerintangan yang menyebabkan sesuatu antibiotik itu tidak lagi boleh digunakan untuk rawat penyakit berjangkit.

"Ia penting bagi menyampaikan mesej kesedaran berkaitan penggunaannya secara bertanggungjawab demi kesihatan haiwan dan manusia," katanya pada sidang media selepas melawat Laman Penternakan di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2018 (MAHA2018), di sini, semalam.

Tambah beliau, DVS melakukan pelbagai inisiatif termasuk melarang



Salahuddin diterangkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam (kanan) dan Ketua Seksyen Zoonosis Kesihatan, Dr Rozanah Asmah Samad tentang penggunaan Antibiotik yang betul.

penggunaan antibiotik colistin sebagai agen tumbesaran dalam makanan bermula Januari 2019 bagi memastikan haiwan ternakan bebas penyakit.

"Ubat-ubatan yang mengandungi racun Kumpulan B seperti antibiotik adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952 dan antibiotik hanya boleh

dibekalkan oleh pengamal perubatan, veterinarwan berdaftar serta ahli farmasi berlesen, dengan preskripsi yang disahkan.

"Pihak Berkuasa Veterinar juga sentiasa memantau dan menjalankan surveilen di ladang-ladang ternakan dan loji-loji pemprosesan ternakan, ujamanya.



AHAD 2 DISEMBER 2018 • SINAR HARIAN

Azman mengadakan lawatan ke reruai pameran menjual produk usahawan tempatan.

My Best Buy di Muzium Kedah

ALOR SETAR - Muzium Kedah dipilih untuk mengadakan Program My Best Buy oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dengan kerjasama beberapa rakan strategik.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Azman Nasrudin berkata, program My Best Buy bertujuan memperhebatkan jualan produk pertanian secara terus daripada pengeluar kepada pengguna.

"Bersempena dengan cuti sekolah, saya yakin lokasi dipilih untuk mengadakan program ini sangat bersesuaian di mana pengunjung khususnya ibu bapa berpeluang membeli belah sambil berkunjung ke muzium negeri.

"Kita yakin dengan kerjasama

pihak Muzium Kedah, dapat meningkatkan jualan usahawan yang mengadakan program selama tiga hari bermula 30 November hingga 2 Disember ini," katanya, selepas merasmikan Program My Best Buy di Muzium Kedah, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Muzium Kedah, Suhaidi Shukri, Pengarah Fama negeri, Anuar Mohamed.

Beliau turut berharap, program itu diadakan setiap bulan untuk menarik ramai pengunjung ke tempat bersejarah di negeri itu, di samping menyumbang kepada usahawan tempatan menyertai program itu.

"Kita perlu fikir dari luar kotak, muzium sering disalahtafsirkan sebagai sebuah tempat penyimpanan barang-barang lama. Sebenarnya

program ini membantu menarik ramai pengunjung ke muzium, selain memberi pendapatan kepada usahawan-usahawan tempatan," katanya.

Azman berkata, Program My Best Buy 2.0 dilaksanakan di 159 lokasi di seluruh negara sehingga 25 November lalu.

"Nilai jualan yang dicatatkan bagi 1,166 kali program My Best Buy 2.0 dianjurkan membabitkan nilai RM12.6 juta dengan bilangan pengunjung seramai 1,025,971 orang.

"Di Kedah, untuk tempoh Januari hingga Oktober ini, nilai jualan dicatatkan adalah sebanyak RM820,512.32 membabitkan 725 usahawan dalam program ini," katanya.

KERATAN AKHBAR : NEW SUNDAY TIME

TARIKH : 2 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

New Sunday Times • DECEMBER 2, 2018

8 | NEWS / Nation

CAMERON HIGHLANDS BY-ELECTION

'DAP TO FIELD CANDIDATE'

Cameron's parliamentary seat a traditional DAP seat, says sec-gen

GEORGE TOWN

DAP intends to contest the Cameron Highlands parliamentary by-election as it is the party's traditional seat, said secretary-general Lim Guan Eng.

Lim, who is finance minister, said he would inform Pakatan Harapan of the matter (to contest the by-election).

"Yes, certainly DAP will contest.

"We will inform Pakatan Harapan.

"Since it is traditionally a DAP seat, it will be contested by a DAP candidate," he said after launching the "Smart Green Community" programme at Tapak Pertanian Dalam Bandar Lebu Padang Tembak in Air Itam here yesterday.

Lim said this when asked whether DAP would be fielding a candidate for the Cameron Highlands parliamentary seat following the Election Court's decision on Friday, which declared the Barisan Nasional victory in the 14th General Election (GE14) as null and void.

Judge Datuk Azizah Nawawi, in her judgment, held that corrupt practices had been pro-

ven to have been committed with the knowledge and consent of Cameron Highlands MP Datuk C. Sivaraajh (who is the respondent) in the election, namely giving out money to voters to induce them to vote for BN.

Lim said he had asked the DAP candidate for the seat in GE14, M. Manogaran, to mobilise the party's election machinery for the by-election.

"But I'm made to understand that they (Barisan Nasional) will appeal against the court's decision.

"So we will wait for the decision," he said.

Manogaran, 59, filed the election petition on June 4 seeking a declaration that the GE14 result for the Cameron Highlands parliamentary seat was null and void as it violated the Election Offences Act 1954.

Bernama



DAP secretary-general Lim Guan Eng (third from left) signing a plaque to launch the 'Smart Green Community' programme in Air Itam yesterday. PIC BY MIKAIL ONG